

IMAM SYAFI' DAN MAZHABNYA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Nurol Huda Haji Ismail

UNISSA Press
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Negara Brunei Darussalam
1439H/2017M

Penerbit:

UNISSA Press
Pusat Penyelidikan dan Penerbitan
Universiti Islam Sultan Syarif Ali
simpang 347, Jalan Pasar Baharu
BE1310, Gadong
Negara Brunei Darussalam
Tel: +673 2462000 ext. 332
Laman Web: www.unissa.edu.bn

© Nurol Huda Haji Ismail

Cetakan Pertama 2017

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara jua, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin tertulis daripada Penerbit.

**Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei
Pengkatalogan Data-dalam-Penerbitan**

NUROL Huda

IMAM al-syafi'i dan mahzabnya di Brunei Darussalam / ; penyunting Nurol Huda Haji Ismail. -- Bandar Seri Begawan : UNISSA Press, Pusat Penyelidikan dan Penerbitan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, 2017.

175p. 15.24cm x 25.86cm

ISBN 978-99917-82-67-6 (Softcover)

1. Shafi'i, Muhammad ibn Idris, 767 or 8-820 2. Shafilites -- Brunei Darussalam I. Nurol Huda Haji Ismail

297.61 IMA (DDC 23)

Reka Bentuk Hiasan Kulit Luar:

Syarikat Percetakan Juta Jaya
Negara Brunei Darussalam

Dicetak Oleh:

Syarikat Percetakan Juta Jaya
Negara Brunei Darussalam

KANDUNGAN

	Halaman
PRAKATA	i
Senarai Transliterasi	xi
Bab 1	1-17
KELAHIRAN IMAM AL-SYAFI'I DAN NASAB KETURUNANNYA	
Dayang Suaad Haji Serbini	
Bab 2	19-38
SYAKHSIYYAH IMAM AL-SYAFI'I	
Nurol Huda Haji Ismail	
Bab 3	39-56
IMAM AL-SYAFI'I DALAM FASA MENGAJAR DAN MENTADBIR	
Norhayati Abd Karim	
Bab 4	57-70
PENULISAN IMAM AL-SYAFI'I DALAM BIDANG ILMU USUL AL-FIQH	
Siti Nurasmah Damit	
Bab 5	71-86
PENULISAN IMAM AL-SYAFI'I DALAM BIDANG FIQH	
Siti Zaliha Abu Salim	
Bab 6	87-103
PANDANGAN PARA ULAMA TERHADAP IMAM AL-SYAFI'I	
Lilly Suzana Shamsu	

Bab 7	105-123
KEISTIMEWAAN MAZHAB SYAFI'I BERBANDING MAZHAB LAIN	
Kamaru Salam Yusof	
Bab 8	125-157
PENYEBARAN MAZHAB SYAFI'I KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM	
Mahayudin Haji Yahaya	
Bab 9	159-172
PENGAMALAN MAZHAB SHAFI'I DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM	
Nurol Halimatulwara' Mumin	
INDEKS	173-175

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PRAKATA

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين
وعلى آله وصحبه أجمعين.

Mazhab Syafi'i adalah salah satu mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah yang kekal berkembang mencecah abad ke 12 semenjak ianya bermula di Iraq dan Mesir. Keadaan sedemikian adalah hasil usaha keras murid-murid Imam al-Syafi'i yang tidak mengenal jemu demi kelangsungan masyarakat Islam beramal mengikut ajaran yang disampaikan oleh Rasulullah *ṣallallāhu `alaihi wasallam*.

Kemunculan Imam al-Syafi'i dalam kalangan para mujtahid yang sezaman dengannya, melambangkan salah satu daripada tanda-tanda kebesaran Allah di muka bumi ini. Betapa Imam ini telah mewariskan khazanah ilmu kepada umat Islam selepasnya, khususnya dalam bidang fiqh dan usul fiqh. Beliau merupakan pejuang kesinambungan Madrasah Hadith yang meletakkan sumber perundangan Islam yang kedua itu mengatasi sumber-sumber yang lain kecuali al-Qur'an.

Oleh itu, sewajarnya seseorang yang menjadikan kajian dan pemikiran Imam al-Syafi'i sebagai panduan dalam beribadat dan sebagainya, untuk mengetahui budaya hidupnya. Kehidupannya penuh dengan iman, sifat wara', tawadhu dan menghargai masa. Elemen-elemen tersebut adalah asas keberkatan dan kejayaannya yang patut dicontohi oleh generasi masa kini.

Bertunjangan kepentingan mengetahui lebih dekat sejarah hidup beliau dan perkembangan mazhabnya di Brunei Darussalam, Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam, mengetengahkan olahan isi kertas kerja-kertas kerja yang telah dibentangkan dalam Ceramah Umum Kefahaman Mazhab Syafi'i bersiri. Ceramah Umum tersebut telah dilaksanakan dalam lima siri pada bulan Februari dan Mac 2015 dengan dikelolakan oleh Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i.

Buku ini mengandungi sembilan bab yang digarap daripada kertas kerja tersebut. Ia mendedahkan tiga aspek utama iaitu biografi Imam al-Syafi'i, penulisan Imam al-Syafi'i dalam bidang fiqh dan usul fiqh, dan penyebaran dan pengamalan mazhab Syafi'i di Negara Brunei Darussalam.

Semoga penerbitan buku ini memberi manfaat kepada pembacanya.

Wassalam.

Nurol Huda Haji Ismail
Penyunting

· SENARAI TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin	Huruf Arab	Huruf Latin
ء	'	ض	ḍ
ب	b	ط	ṭ
ت	t	ظ	ẓ
ث	th	ع	ʿ
ج	j	غ	gh
ح	ḥ	ف	f
خ	kh	ق	q
د	d	ك	k
ذ	dh	ل	l
ر	r	م	m
ز	z	ن	n
س	s	هـ	h
ش	sh	و	w
ص	ṣ	ي	y
Vokal Pendek		Vokal Panjang	
ا	a	آ	Ā/ā
ي	i	و	Ū/ū
و	u	ي	Ī/ī

Diftong

Huruf Arab	Huruf Latin	Huruf Arab	Huruf Latin
اَءِ	aw	يَ	iyy/ī
اَؤِ	ay	وِ	uww/


Bab 1

KELAHIRAN IMAM AL-SYAFI'I DAN NASAB KETURUNANNYA

Dayang Suaad Haji Serbini

Pendahuluan

Imam al-Syafi'i adalah imam ketiga daripada empat imam yang ternama dan berpengaruh di dunia Islam (Tarikuddin 2004, 6). Beliau merupakan pengasas Mazhab Syafi'i iaitu salah satu mazhab utama dalam Ahli Sunnah Wal Jama'ah sesudah Mazhab Hanafi, Mazhab Maliki dan sebelum Mazhab Hanbali. Mazhab Syafi'i mendominasi kawasan Afrika Timur, Asia Tenggara (termasuklah Negara Brunei Darusalam dan Malaysia) serta sebahagian Jazirah Arab.



Peta 1: Warna biru tua menunjukkan kawasan Mazhab Syafi'i.

Sumber: Buku Siri 4 Imam Mazhab.

Kelahiran Imam al-Syafi'i

Tempat lahir Imam al-Syafi'i (Muhammad 2002, 18-19):

Majoriti fuqaha dan pakar sejarah ulama fiqh berpendapat bahawa Imam al-Syafi'i dilahirkan di Kota Ghazzah, Palestin. Namun demikian, sebahagian ulama menyatakan bahawa Imam al-Syafi'i dilahirkan di Asqalan yang terletak 3 *farsakh* (batu) dari Kota Ghazzah dan sebahagian ulama yang lain berpendapat bahawa beliau dilahirkan di Yaman.

Semua pendapat ini mempunyai dalil-dalil tersendiri yang disandarkan kepada Imam al-Syafi'i sendiri. Justeru itu, untuk menidakkan kebenaran pendapat-pendapat ini pada mulanya adalah sukar. Namun demikian, beberapa usaha untuk mencari titik pertemuan telah diusahakan agar keraguan akhirnya terungkai. Antaranya:

1. Imam al-Baihaqi ketika mengulas riwayat yang sampai kepada 'Abdullah bin Wahb, ia berkata: "Begitulah yang terdapat dalam riwayat, bahawa Imam al-Syafi'i *rahimahullah* dilahirkan di Yaman. Akan tetapi menurut pendapat yang sahih, dia dilahirkan di Kota Ghazzah." Kemudian, Imam al-Baihaqi menambah: "Ada kemungkinan yang dia maksudkan adalah tempat yang dihuni oleh sebahagian keturunan Yaman di Kota Ghazzah".

Seterusnya Imam al-Baihaqi *rahimahullah* menyimpulkan: "Seluruh riwayat menunjukkan bahawa Imam al-Syafi'i dilahirkan di Kota Ghazzah, kemudian dia dibawa ke 'Asqalan lalu ke Mekah. *Wallahu A'lam*".

2. Imam al-Hafiz ibnu Hajar pula berkata: "Tidak ada pertentangan antara satu riwayat dengan riwayat yang

lain. 'Asqalan adalah kota yang sejak dahulu telah dikenal, sementara Ghazzah berdekatan dengannya. Oleh itu, bila Imam al-Syafi'i mengatakan bahawa dia dilahirkan di 'Asqalan, ia bermaksud kotanya, sedangkan Ghazzah adalah kampungnya".

Menurut beliau lagi: "Pendapat-pendapat ini dapat dipadukan, yakni bahawa Imam al-Syafi'i dilahirkan di sebuah tempat bernama Ghazzah di 'Asqalan. Ketika memasuki usia dua tahun, ibunya membawanya ke negeri Hijaz dan bercampur gaul dengan penduduk negeri itu yang terdiri dari orang-orang Yaman kerana ibunya dari suku Azdiyyah. Ketika Imam al-Syafi'i berumur sepuluh tahun, dia dibawa ke Mekah kerana ibunya khuatir *nasab* keturunannya yang mulia itu lenyap dan dilupakan".

Berdasarkan hujah-hujah di atas, dapat disimpulkan bahawa Imam al-Syafi'i telah dilahirkan di Ghazzah, Palestin.

Tarikh lahir Imam al-Syafi'i:

Para sejarawan telah sepakat bahawa Imam al-Syafi'i telah lahir pada tahun 150H/767H bersamaan dengan tahun kewafatan Imam Abu Hanifah *rahimahullah* (Al-Khadhr Salim 2006, 29) iaitu pada masa kerajaan Islam berada dalam pemerintahan kaum Bani Abbasiyyah yang mana khalifahnya ketika itu ialah Abu Ja'far al-Mansur (Muhammad Abu Zahrah 2010, 4).

Tahun kelahiran Imam al-Syafi'i pada 150H ini juga diakui oleh Imam al-Hakim *rahimahullah* sepertimana kata beliau: "Saya tidak menemukan adanya perselisihan pendapat bahawa Imam al-Syafi'i *rahimahullah* lahir pada tahun 150H, tahun wafatnya Imam Abu Hanifah *rahimahullah*. Hal ini mengisyaratkan bahawa Imam al-

Syafi'i *rahimahullah* menggantikan Imam Abu Hanifah *rahimahullah* dalam bidang yang diceburinya”.

Imam al-Nawawi pula berkata: “Pendapat yang termasyhur ialah beliau dilahirkan di Ghazzah, Diceritakan bahawa Imam al-Syafi'i dilahirkan pada malam Abu Hanifah meninggal dunia. Jika pendapat ini benar, ia adalah suatu perkara yang terjadi secara kebetulan sahaja. Seorang imam meninggal dunia dan pada masa itu juga lahir seorang imam yang lain” (Ahmad asy-Syurbasi 1980, 185-186).

Perkara ini juga disokong oleh Imam al-Rabi' bin Sulaiman *rahimahullah* dengan berkata: “Imam al-Syafi'i lahir pada hari kematian Abu Hanifah *rahimahullah*”. Namun perkataan ‘hari’, boleh diertikan pada masa atau zaman. Hal ini kerana tidak terdapat dalam mana-mana kitab *tarikh* (sejarah) yang menyatakan secara pasti bulan kelahiran Imam al-Syafi'i. Yang ada hanyalah tahun kelahiran yang disepakati oleh para ulama iaitu 150H (Muhammad bin Abd Wahhab al-'Aqil 2002, 17).

Disebabkan hal ini, berlaku cerita lucu yang terjadi dalam kalangan pengikut fanatik Imam Abu Hanifah dan Imam al-Syafi'i (Tarikuddin, 11):

- a) Pengikut Fanatik Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa kebesaran Imam Abu Hanifah terbukti apabila Imam al-Syafi'i tidak dapat keluar dari dalam kandungan ibunya kecuali setelah kewafatan Imam Abu Hanifah. Hal ini berikutan perasaan takut Imam al-Syafi'i untuk berhadapan dengan imam besar berdarah Farsi tersebut, sehinggakan beliau hanya lahir sesudah kewafatan Imam Abu Hanifah. Sesetengah riwayat menyatakan Imam al-Syafi'i berada dalam kandungan ibunya selama 3 tahun.

b) Pengikut fanatik Imam al-Syafi'i pula berkata sebaliknya. Disebabkan kebesaran Imam al-Syafi'i inilah, telah menyebabkan Imam Abu Hanifah tidak sanggup berdepan dengan Imam al-Syafi'i yang baru lahir itu. Justeru itu, Imam Abu Hanifah meninggal dunia.

Walaupun cerita-cerita sebegini ditimbulkan untuk keseronokan semata-mata, namun bagi golongan yang fanatik, ianya mungkin merupakan satu kebenaran. Selain itu, tahun kelahiran Imam al-Syafi'i juga bertepatan dengan meninggalnya seorang lagi Imam yang masyhur dalam bidang fiqh dan hadith, iaitu Imam Abdul Malik bin Abdul Aziz bin Juraij atau lebih dikenali dengan nama Imam Ibnu Juraij.

Dengan kewafatan dua orang ulama ternama pada tahun kelahiran Imam al-Syafi'i, maka terdapatlah ramalan bahawa hal ini merupakan satu tanda bahawa ilmu kedua-dua ulama besar tersebut telah meresap dalam diri Imam al-Syafi'i yang baru lahir itu (Tarikuddin, 12-13). Kesimpulannya, Imam al-Syafi'i lahir pada tahun 150H/767M iaitu pada tahun yang sama kewafatan dua imam besar iaitu Imam Abu Hanifah dan Imam Ibnu Juraij.

Nasab keturunan Imam al-Syafi'i

Nama penuh Imam al-Syafi'i berserta salasilah keturunan ayah beliau:

Imam al-Syafi'i bernama Muhammad bin Idris bin al-'Abbas bin Uthman bin Syafi' bin al-Saaib bin 'Ubaid bin Abd Yazid bin Hasyim bin al-Mutallib bin Abd Manaf bin Qusay bin Kilab bin Murrah bin Ka'ab bin Luayy bin

Ghalib bin Fihrin bin Malik bin Nadhar bin Kinanah bin Khuzaimah bin Mudrikah bin Ilyas bin Mudhar bin Nizaar bin Ma'ad bin Adnan. Namun beliau lebih dikenali sebagai Imam al-Syafi'i (Al-Khadhr Salim, 29). Sebutan al-Syafi'i itu dinisbahkan kepada nenek beliau yang ketiga, bernama Syafi' bin al-Saaib iaitu seorang sahabat yang sempat bertemu Rasulullah *ṣallallāhu 'alaihi wasallam* ketika masih kecil di Fustat (Abdul Ghani 2009, 23).

Gelaran Imam al-Syafi'i adalah Abu Abdillah. Gelaran ini diberikan mengikut adat tradisi orang-orang Arab yang biasanya memberikan gelaran kepada seseorang ayah berdasarkan nama anak sulungnya yang baru dilahirkan. Oleh itu, Imam al-Syafi'i digelar Abu Abdillah kerana anak sulung beliau bernama Abdullah. Namun apa yang mengherankan, di dalam kitab-kitab sejarah Imam al-Syafi'i, tidak ada pernyataan bahawa anak sulung beliau bernama Abdullah. Hanya terdapat pernyataan yang mengatakan anak lelaki beliau bernama Muhammad dan diberi gelaran Abu Uthman. Hal ini berkemungkinan disebabkan anak Imam al-Syafi'i yang bernama Abdullah tersebut telah meninggal dunia ketika masih kecil atau ketika masih berada dalam kandungan ibunya (Tarikuddin, 14). Adapun gelaran penuh Imam al-Syafi'i ialah Abu Abdillah al-Qurasyi al-Syafi'i al-Makki (Muhammad bin Abdul Wahhab al-'Aqil 2002, 15).

Nama anak-anak dan isteri Imam al-Syafi'i:

Selain anak lelaki beliau bernama Muhammad dan digelar Abu Uthman, yang merupakan seorang hakim di Kota Halib, Syam (Syria), Imam al-Syafi'i juga mempunyai dua orang anak perempuan iaitu Fatimah dan Zainab. Ketiga-tiga mereka ini merupakan anak hasil perkongsian hidup Imam al-Syafi'i bersama seorang wanita yang bernama

Hamidah binti Nafi' bin Unaisah bin Amru bin Uthman bin Affan (Hussein Abdul Hamid 2007).

Secara ringkasnya nama sebenar Imam al-Syafi'i ialah Muhammad bin Idris. Gelaran penuh beliau ialah Abu Abdillah al-Qurasyi al-Syafi'i al-Makki. Isteri beliau bernama Hamidah binti Nafi' bin Unaisah bin Amru bin Uthman bin Affan dan hasil perkongsian hidup, beliau dikurniakan tiga orang anak iaitu Abu Uthman, Fatimah dan Zainab.

Asal usul ayah Imam al-Syafi'i:

Ayah Imam al-Syafi'i iaitu Idris bin al-'Abbas adalah berasal dari Bani Mutallib, suku Quraisy. Ini adalah pendapat majoriti ahli sejarah. Asal usul ayah Imam al-Syafi'i bertemu dengan Rasulullah *ṣallallāhu `alaihi wasallam* pada Abd Manaf.

Al-Mutallib yang mana asal usul Imam al-Syafi'i bersambung padanya, adalah merupakan salah seorang anak Abd Manaf. Sebenarnya, Abd Manaf mempunyai empat orang anak lelaki iaitu al-Mutallib, Hasyim, Abd Syams (datuk Bani Umayyah) dan Naufal (datuk Jubair bin Muth'am). Al-Mutallib inilah yang ada kaitan dengan asal usul Imam al-Syafi'i dan beliaulah yang menjaga anak Hasyim yang bernama Abdul Mutallib, iaitu datuk Nabi Muhammad *ṣallallāhu `alaihi wasallam*. Bani Hasyim dan Bani Mutallib mempunyai hubungan yang begitu rapat antara satu sama lain. Namun, mereka tidak begitu akrab dengan Bani Naufal, lebih-lebih lagi dengan Bani Abd Syams.

Permusuhan dengan Bani Abd Syams bermula apabila Hasyim dipilih menggantikan Abd Manaf (ayah beliau) bagi memerintah Kota Mekah. Hasyim terpilih

kerana beliau merupakan anak tertua Abd Manaf dan beliau merupakan seorang yang matang, bijaksana dan pemurah. Hal ini menyebabkan Umayyah (anak Abd Syams) iri hati. Maka Umayyah mencabar bapa saudaranya (Hasyim) bertanding untuk menentukan siapakah di antara mereka berdua yang lebih popular dan disukai oleh penduduk Mekah. Seorang hakim telah dipilih untuk mengadili pertandingan ini. Sesiapa yang tewas hendaklah menyembelih 100 ekor unta untuk diberikan kepada penduduk Mekah khususnya yang fakir dan miskin di samping meninggalkan Mekah selama 10 tahun.

Ternyata Hasyim telah memenangi pertandingan tersebut. Umayyah pun terus berpindah ke negeri Syam selepas menyembelih 100 ekor unta. Keadaan ini menyebabkan Umayyah bertambah benci pada Hasyim dan merupakan kemuncak retaknya hubungan antara Hasyim dan Abd Syams sehinggalah Nabi Muhammad *ṣallallāhu `alaihi wasallam* menjadi rasul.

Hubungan antara al-Mutallib dan Hasyim semakin rapat apabila setelah kematian Hasyim, al-Mutallib telah memelihara anak Hasyim yang bernama Syaibah. Syaibah adalah anak hasil pernikahan Hasyim dengan seorang perempuan Yathrib (Madinah) dari suku Khazraj yang bernama Salma binti Amru al-Khazriyyah. Setelah berkahwin, Salma hanya tinggal sementara di Mekah dan kemudiannya menetap di Yathrib.

Semasa Hasyim meninggal dunia ketika dalam perjalanannya ke Syam, Syaibah tinggal bersama ibunya, Salma di Yathrib. Oleh kerana simpati dengan anak saudaranya ini, al-Mutallib mengambil keputusan untuk memeliharanya, lalu beliau pun berangkat ke Yathrib. Dalam perjalanan pulang semula ke Mekah bersama Syaibah, penduduk Mekah telah melihat Syaibah

membonceng di belakang al-Mutallib lalu mereka berteriak mengatakan bahawa al-Mutallib telah membeli seorang hamba.

Al-Mutallib membantah tohmahan tersebut dan menyatakan bahawa Syaibah adalah anak saudaranya, iaitu anak kepada Hasyim yang baru meninggal dunia. Namun, penduduk Mekah masih tetap memanggil Syaibah sebagai Abdul Mutallib (Hamba si Mutallib) dan nama panggilan tersebut terus kekal berbanding nama asalnya, Syaibah (Tarikuddin, 8-10).

Keakraban persaudaraan di antara Bani Mutallib dan Bani Hasyim menyebabkan Rasulullah *ṣallallāhu 'alaihi wasallam* hanya menyenaraikan kedua-duanya sahaja dalam golongan *dzawil qurba*, dan sebaliknya tidak bagi bani Abd Syams dan Bani Naufal (Muhammad Abu Zahrah, 4)

Imam al-Syafi'i pernah menuntut hak beliau dalam pembahagian *khumus* dari harta rampasan perang, dan permintaannya itu diperkenankan oleh penguasa ketika itu. Ini membuktikan bahawa Imam al-Syafi'i adalah salah seorang Bani Mutallib dari kaum Quraisy, jika tidak, masakan beliau dibenarkan menerima sebahagian daripada harta rampasan perang tersebut (Muhammad Abu Zahrah, 4).

Berbalik kepada ayah Imam al-Syafi'i, beliau bukanlah seorang ulama besar kerana tidak terdapat dalam kitab-kitab sejarah riwayat hidup Imam al-Syafi'i yang menyatakan ayah beliau merupakan seorang ulama besar mahupun pembesar. Namun ayah beliau merupakan seseorang yang berketurunan mulia dalam masyarakat Arab walaupun keluarga Imam al-Syafi'i bukan orang berada.

Ayah Imam al-Syafi'i meninggal dunia ketika beliau masih kecil lagi (Ahmad asy-Syarbasi, 187).

Dari pencerahan mengenai asal-usul ayah al-Imam al-Shafi'i tadi, dapat disimpulkan bahawa beliau berketurunan kaum Quraisy dari Bani Mutallib yang begitu akrab dengan Bani Hasyim sehinggakan Rasulullah *ṣallallāhu `alaihi wasallam* menyenaraikan kedua-duanya dalam golongan *dzawil qurba*. Al-Mutallib inilah yang menjaga datuk Nabi Muhammad *ṣallallāhu `alaihi wasallam* yang bernama Syaibah atau lebih dikenali dengan nama Abdul Mutallib. Asal Usul Imam al-Syafi'i bertemu dengan Rasulullah *ṣallallāhu `alaihi wasallam* pada Abd Manaf.

Asal usul ibu Imam al-Syafi'i

Beberapa golongan fanatik Imam al-Syafi'i mengatakan bahawa ibu beliau juga berbangsa Quraisy. Namun pendapat yang betul sebenarnya adalah ibunya berasal dari al-Azd. Ada pun hujah penolakan pendapat yang mengatakan bahawa ibu Imam al-Syafi'i dari golongan Quraisy adalah seperti berikut:

1. Menurut Fakhrudin al-Razi terdapat dua pendapat mengenai keturunan ibu Imam al-Syafi'i (Muhammad Abu Zahrah, 6-7):
 - a) Riwayat pertama menyatakan bahawa ibu Imam al-Syafi'i bernama Fatimah binti Abdullah bin al-Husain bin Ali bin Abu Talib merupakan seorang yang berketurunan Quraisy. Riwayat ini jelas menunjukkan bahawa beliau merupakan keturunan kaum Alawiyyin dari pihak ibunya. Oleh kerana itu tidak heranlah Imam al-Syafi'i amat menyayangi keluarga Rasulullah *ṣallallāhu `alaihi wasallam*

terutama sekali keluarga Sayyidina Ali dari pihak isterinya Siti Fatimah al-Zahra'. Namun Riwayat ini dianggap *syadz* (ganjil) oleh Fakhrudin al-Razi.

- b) Riwayat kedua menyatakan bahawa ibunya adalah wanita Yaman yang sangat solihah digelar Ummu Habibah al-Azdiyyah dari suku Azdi. Riwayat ini telah dipersetujui bukan sahaja oleh Syeikh Muhammad Khudri Bek dalam Kitabnya *Tarikh al-Tasyri' al-Islamy* bahkan juga diperakui oleh Imam al-Nawawi dalam kitabnya *al-Majmu'*.

2. Sesetengah ulama menyatakan:

"أمه أسدية، والأزد والأسد شيء واحد"

(Abdul Ghani 2009, 31)

"Ibunya (Imam al-Syafi'i) adalah dari golongan *Asadiyyah*, dan *al-Azd* dan *al-Asad* adalah sama"

Rasulullah pernah bersabda: "al-Azd ialah singa (*asad*) Allah di bumi ini, ramai dari manusia hendak menjatuhkan mereka, tetapi tidak diizinkan Allah bahkan Allah meninggikan mereka, dan sesungguhnya pada suatu masa manusia berkata: Alangkah bertuah jika aku seorang Azdi dan alangkah bertuah juga jika ibuku seorang Azdiyyah" (Ahmad asy-Syarbasi, 187).

3. Semua riwayat yang disandarkan kepada Imam al-Syafi'i sendiri menunjukkan bahawa ibu beliau berasal dari Azdiyyah.

Menerusi keterangan di atas tadi, dapat disimpulkan bahawa, ibu Imam al-Syafi'i adalah berketurunan Azdiyyah dan dikenali dengan gelaran Ummu Habibah. Ada pun

nama ibu beliau yang sebenar adalah Fatimah binti Abdullah al-Azdiyyah (Ahmad asy-Syarbasi, 187).

Kewafatan Imam al-Syafi'i

Terdapat dua riwayat mengenai punca kewafatan Imam al-Syafi'i.

Pertama:

Yaqut al-Hawari telah meriwayatkan dalam kitabnya *al-Mu'jam al-Udaba* bahawa Imam al-Syafi'i wafat disebabkan pukulan murid-murid Imam Malik yang sangat ta'asub terhadap Imam Malik. Fityan merupakan seorang penyokong kuat Imam Malik, oleh itu, dia selalu membangkang mana-mana pendapat Imam al-Syafi'i yang bercanggah dengan keputusan yang telah dibuat oleh Imam Malik.

Perdebatan antara Imam al-Syafi'i dan Fityan selalu menjadi perhatian orang ramai sehinggakan pada suatu ketika, bilamana Fityan tidak mampu membalas hujah-hujah bernas Imam al-Syafi'i dengan baik, dia telah menyumpah, menghina dan mengeji Imam al-Syafi'i. Walaupun Fityan menghina imam al-Syafi'i secara berdepan, namun sedikitpun Imam al-Syafi'i tidak membalas segala perbuatannya.

Apabila perkara ini sampai ke pengetahuan Gabenor Mesir pada ketika itu, iaitu Gabenor Abbas bin Abdullah al-Abbasi, beliau memerintahkan Kadi Mesir, Imam al-Sari bin al-Hakkam al-Balkhi, supaya menjatuhkan hukuman sebat dan diarak keliling kota ke atas Fityan.

Justeru itu, pengikut setia Fityan telah berazam untuk membalas dendam demi Fityan. Mereka telah menyamar sebagai pelajar dalam majlis pengajian yang

diadakan oleh Imam al-Syafi'i. Setelah majlis berakhir dan pelajar lain semua sudah pulang, maka pengikut Fityan ini pun terus menyerbu dan memukul Imam al-Syafi'i dengan teruk sehingga menyebabkan kewafatannya. (Tarikuddin, 122-123).

Kedua:

Riwayat dari Imam Abu Zahrah yang menyatakan Imam al-Syafi'i meninggal dunia disebabkan sakit buasir. Imam Abu Zahrah tidak bersetuju dengan riwayat pertama daripada Yaqut al-Hawari tadi. Beliau berpendapat riwayat tersebut tidak benar sama sekali kerana tidak ada cerita yang mengatakan pengikut Imam Malik yang memukul Imam al-Syafi'i sehingga menyebabkan kematiannya dibawa ke muka pengadilan dan seterusnya dihukum. Ini adalah suatu yang sangat mustahil, masakan kadi atau pun pihak penguatkuasa Mesir tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap penjenayah yang menyebabkan kewafatan seorang ulama besar. Ini menjadi bukti bahawa riwayat pertama itu hanya rekaan sahaja.

Ada pun kewafatan Imam al-Syafi'i disebabkan sakit buasir adalah benar dan lebih masyhur (Tarikuddin, 123). Jenazah beliau diusung oleh orang ramai dan diuruskan oleh anak-anak Abdul Hakkam ke tanah perkuburan mereka yang dikenali dengan nama Tanah Perkuburan Banu Zahrah. Imam al-Syafi'i wafat di Mesir selepas waktu maghrib, 29 Rejab 204H bersamaan 4 Januari 820M ketika berusia 54 tahun (Al- Zuhaili, Wahbah 2005, 1/20).


Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa Imam al-Syafi'i telah wafat di Mesir, selepas waktu Maghrib pada 29 Rejab 204H bersamaan 4 Januari 820M ketika berusia 54 tahun disebabkan sakit buasir dan bukannya disebabkan

pukulan murid-murid yang ta'subkan Imam Malik. Imam al-Syafi'i dikuburkan di Tanah Perkuburan Banu Zahrah.

Kesimpulan

Imam al-Syafi'i merupakan pengasas Mazhab Syafi'i iaitu satu mazhab yang mendominasi kawasan Afrika Timur, Asia Tenggara dan sebahagian Jazirah Arab. Beliau dilahirkan di Ghazzah, Palestin pada tahun 150H/767M iaitu pada tahun wafatnya Imam Abu Hanifah dan Imam Ibnu Juraij. Nama penuhnya ialah Muhammad bin Idris dan lebih dikenali sebagai Imam al-Syafi'i.

**SALASILAH AL-IMAM AL-SYAFI'I
DAN HUBUNGANNYA DENGAN
SAYYIDINA MUHAMMAD
SHALLALLAHU 'ALAIHI WASALLAM**



Rajah 1: Salasilah Imam al-Syafi'i

RUJUKAN

- Al-'Aqil, Muhammad bin Abdul Wahhab. (2002). *Manhaj 'Aqidah Imam Asy-Syafi'i*. Jakarta: Pustaka Imam asy-Syafi'i.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (2005) *Fiqh dan Perundangan Islam*. Cetakan keenam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad asy-Syarbasi. (1980). *Biografi Imam Mazhab Empat: Hanafi, Maliki, Syafie, Hanbali*. Hussin Haji Muhammad (Penterjemah). Cetakan kedua. T.tp.: Pustaka Aman Press Sdn.Bhd.
- Hussein Abdul Hamid. (2007). *Mukhtasar al-Umm li Imam al-Syafi'i*. M. Mujib, A. Huda, Yasin (Penterjemah). Abu Ezzat al-Mubarak (Editor). Cetakan pertama. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Muhammad Abu Zahrah. (2010). *Pengembaraan Intelektual dan Pemikiran Imam al-Syafi'i Dalam Masalah Akidah, Politik dan Fiqih*. Ibnu Muhammad el-Fandahani (Penterjemah). Cetakan pertama. Kuala Lumpur: Crescent News. Sdn. Bhd. .
- Tarikuddin bin Haji Hassan. (2004). *Siri 4 Imam Mazhab (siri 3): Imam as-Syafie*. Cetakan kedua. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- الخضر سالم بن حليس الياضي. (2006). المذهب الشافعي تعريفه - مصطلحاته - الترجيح فيه المعتمد في تدريسه - طرق وأساليب. د.ط. صنعاء: دار القدس.
- عبدالغني الدقر. (1996). إعلام المسلمين (2): الإمام الشافعي فقيه السنة الكبرى. ط 6. دمشق: دار القلم.

عبد الغني الدقر. (2009). سير أئمة المذاهب الفقهية الأربعة: محمد بن إدريس الشافعي. ط 1. دمشق: دار القلم.

Laman Sesawang:

Biografi Imam al-Syafi'i-Konsultasi Syariah Islam.
<http://www.alkhoirot.net/2013/12/biografi-imam-syafii.html>.

Biografi Imam asy-Al-Syafi'i (1). 17 Mac 2011.

<http://www.alsofwah.or.id/cetakannur.php?id=615>

Mazhab Syafii-Wikipedia Bahasa Melayu, Ensiklopedia Bebas. http://id.wikipedia.org/wiki/Mazhab_Al-Syafi'i.

Mohd. Khairul Nizam bin Ag. Hasbollah, Muhammad Ariff bin Mahmud, Mohd. Marzuki bin Amat @ Sabi, *Imam al-Syafi'i, Kertas Kerja Terbaik: Imam Asy-Al-Syafi'i*, Oct 9, 2013. <http://maruwiahacis.com>.

Silsilah Imam al-Syafi'i & Hubungannya dengan Rasulullah. (15/1/2011).

<https://dayahdarulkhairat.wordpress.com/2011/01/15/silsilah-imam-syafii-hubungannya-dengan-rasulullah/>.

Rasulullah sawallôhu 'alaihi wasallam (Al-Nawawi, 1/61).

Keistimewaan Imam al-Syafi'i bukan sahaja terletak pada pemikirannya tetapi juga dari cara hidup yang dipraktikkannya sehingga menjadi bahan pertuturan oleh kenalan dan anak didiknya. Kelebihan yang dianugerahkan Allah kepadanya adalah pemangkin kepada terpancarnya nilai-nilai murni sebagai hiasan syakhsiyyahnya. Keunggulan syakhsiyyahnya itu telah membentuk kewibawaannya. Kata-katanya mampu mencairkan jiwa yang beku dan memancarkan harapan umpama butiran mutiara yang menyinari kegelapan ruang. Syakhsiyyahnya dirakam dalam lipatan sejarah dan menjadi sumber inspirasi generasi abad ini.

Bab 2

SYAKHSIYYAH IMAM AL-SYAFI'I

Nurol Huda Haji Ismail

Pendahuluan

Imam al-Syafi'i adalah salah seorang daripada empat orang imam mazhab fiqh aliran Ahli Sunnah wal-Jamaah yang tersohor. Pendapatnya diterima dan digunapakai sehingga kini. Jalinan pemikirannya bersumberkan al-Quran, Sunnah Rasulullah *ṣallallāhu `alaihi wasallam*, Qiyas, Ijma', *Qaul al-Sahabi*, 'Urf dan *Istishab* (Al-Nawawi 2007, 1/65). Beliau tidak berbangga dengan pendapat yang dikemukakannya. Justeru, beliau berpesan jika pendapatnya bertentangan dengan Sunnah Rasulullah *ṣallallāhu `alaihi wasallam*, maka hendaklah berpegang dengan Sunnah Rasulullah *ṣallallāhu `alaihi wasallam* (Al-Nawawi, 1/61).

Keistimewaan Imam al-Syafi'i bukan sahaja terletak pada pemikirannya tetapi juga dari cara hidup yang dipraktikkannya sehingga menjadi bahan pertuturan oleh kenalan dan anak didiknya. Kelebihan yang dianugerahkan Allah kepadanya adalah pemangkin kepada terpancarnya nilai-nilai murni sebagai hiasan syakhsiyyahnya. Keunggulan syakhsiyyahnya itu telah membentuk kewibawaannya. Kata-katanya mampu mencairkan jiwa yang beku dan memancarkan harapan umpama butiran mutiara yang menyinari kegelapan ruang. Syakhsiyyahnya dirakam dalam lipatan sejarah dan menjadi sumber inspirasi generasi abad ini.

Definisi syakhsiyyah

Syakhsiyyah adalah perkataan dalam bahasa Arab (Elias, 336) yang bermaksud personaliti, keperibadian atau perwatakan (Hajah Noresah (K. Editor) 2010, 1194). Personaliti merujuk kepada pembentukan psikologi seseorang yang merangkumi perangai, kecerdasan, sentimen, kepercayaan, minat dan cita-cita (Ee Ah Meng 1999, 172). Oleh itu dapat dirumuskan bahawa syakhsiyyah adalah personaliti yang terbentuk daripada dua unsur iaitu sifat-sifat luaran dan dalaman seseorang. Sifat luaran ialah tingkah laku dan tindak balas yang dapat dilihat oleh pandangan mata, manakala sifat dalaman ialah perasaan dan sebagainya yang terdapat dalam hati dan minda yang dijelmakan melalui tingkah laku dan tindak balas.

Syakhsiyyah seseorang sama ada disanjung atau sebaliknya berkait rapat dengan ciptaan tubuhnya oleh Allah *Subhānahu wa Ta'āla* dan ketentuanNya. Perkara ini dinyatakan dalam al-Quran dan hadith Nabi *ṣallallāhu 'alaihi wasallam*. Nabi *ṣallallāhu 'alaihi wasallam* menjelaskan bahawa kebahagiaan dan penderitaan hidup di dunia telah ditentukan oleh Allah semasa manusia dalam bentuk janin. Ketika janin berada dalam kandungan ibunya selama 120 hari, maka Allah mengutus malaikat untuk menulis amalnya, rezekinya, bahagia atau derita dan ajalnya serta ditiupkan roh. Sabda Nabi *ṣallallāhu 'alaihi wasallam*:

إِنَّ أَحَدَكُمْ يُجْمَعُ خَلْقُهُ فِي بَطْنِ أُمِّهِ أَرْبَعِينَ يَوْمًا، ثُمَّ يَكُونُ عَلَقَةً مِثْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ يَكُونُ مُضْغَةً مِثْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ يَبْعَثُ اللَّهُ مَلَكًا فَيُؤَمِّرُ بِأَرْبَعِ

Namun begitu, dalam kes-kes tertentu mazhab-mazhab lain dalam lingkungan aliran Ahli Sunnah wal-Jamaah turut digunapakai mengikut kesesuaian masa dan tempat, termasuklah bab sentuhan lelaki perempuan ketika beruduk sewaktu melakukan ibadat tawaf di Masjid al-Haram dengan syarat mengetahui syarat dan aturan berwuduk dalam mazhab berkenaan.³⁶

RUJUKAN

- A.Hasymy. (1981). *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia*. Aceh: Penerbit Percetakan Off set.
- A Report on the 1947 Cesus of Population of Malaya*. (1949). Kuala Lumpur: Arkib Negara.
- Abu Muhammad Qadi Husain. (1975). “*Muqaddimah Kitab Ta’liqah*”. K.H. Sirajuddin Abbas *Tabaqat al-Shafi`iyyah*. Jakarta: Pustaka Tarbiayah.
- Al-Ghazali. (1327H). *Ihya ‘Ulum al-Din*. Kaherah: t.pt.

³⁶ Perkara ini telah difatwakan oleh mantan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Pehin Datu Seri Maharaja Dato Sei Utama Dr. Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz. Lihat: Hajah Rasinah binti Haji Ahim. *Penerapan Pemikiran dan Fatwa Aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah Pehin Datu Seri Maharaja Dato Sei Utama Dr. Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz di Brunei Darussalam*. Tesis M.A, Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi, 2001.

- Al-Kindi. (1912). *Governors and Judges of Egypt*. Disunting oleh R. Guest. London: Gibb Memorial Series.
- C.A. Majul. (1973). *Muslim In The Philippines*. Philippines: University Of The Philippines press.
- David Leake Jr. (1990). *Brunei: The Modern Southeast Asian Islamic Sultanate*. Kuala Lumpur: Forum.
- Ding Choo Ming. (2008). *Manuskrip Melayu: Sumber Maklumat Peribumi Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- H.R. Hughest Hallet. "A Sketch of The History Of Brunei". *Brunei Museum Journal*. Vol. 5 No. 1: 1981.
- Hajah Rasinah binti Haji Ahim. *Penerapan Pemikiran dan Fatwa Aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah Pehin Datu Seri Maharaja Dato Sei Utama Dr. Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz di Brunei Darussalam*. Tesis M.A., Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi, 2001.
- Haji Abdul Mohaimin bin Haji Noordin Ayus. *Penyatuan Syariah dan Undang-Undang: Ke arah Penyempurnaan Negara Zikir*. Kertaskerja Utama yang dikemukakan dalam Persidangan Kebangsaan Syariah dan Undang-Undang Ke Arah Penyempurnaan Negara Zikir, UNISSA, Negara Brunei Darussalam pada 9 & 10 April 2014.
- Ibn Battutah. (1386H/1966). *Rihlah*. Mesir: t.pt. *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Ahmad. "Tinjauan Umum Terhadap Teori Kedatangan Islam ke Alam Melayu". *SARI* Vol. 3, No. 1: Januari 1985. Hlm. 42.
- Ismail Hamid. (1986). *Perkembangan Islam di Asia dan Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Heinemann Sdn. Bhd.
- Ismail Yusoff. (1997). *Politik Dan Ugama Di Sabah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- James P.Ongkili. "Pre-Western Brunei, Sarawak And Sabah". *NTANUSARA*. Bil. 3: Januari 1973. Hlm. 57.
- Kitab al-Risalah*. (1321H). Kaherah: t.pt.
- Mahayudin Hj Yahaya. (1988). *Ensiklopedia Sejarah Islam*, Jilid IV. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- _____ (1984). *Sejarah Orang Syed di Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____ (2014). *MIB: Misi Global Ke Arah Negara Zikir Berdasarkan Teori Umran*, UNISSA.
- Muhidin Yusin. (1990). *Islam Di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Mohd. Yatim. (1990). *Epigrafi Islam Terawal Di Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pengiran Haji Mohamad Haji Abdul Rahman. (1992). *Islam Di Brunei Darussalam*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959*.
- Robert Nicholl. "Brunei Rediscover: A Suvey Of Early Times". *Journal Of Southeast Asian Studies*. Vol. 14 No.1: Mac 1983.
- "Salasilah Raja-Raja Brunei". *JMBRAS* Vol.41: 1968.
- Sanib Said. "Islam Di Sarawak: Sejarah Ringkas 1476-1941". *Islam Di Malaysia*, Persatuan Sejarah Malaysia. 1980.
- S.Q.Fatimi. (1963). *Islam Comes To Malaysia*. Singapore: Institute Of Sociological Research.
- Syed Naquib Al-Attas. (1969). *Preliminary Statement On A General Theory Of The Islamization Of The Malay-Indonesian Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tom Harrison. "The Advent Of Islam to West And North Borneo". *JMBRAS* Vol. 45 Part 1: 1972. Hlm. 10-13.

*Undang-Undang Negara Brunei Darussalam, Akta Majlis
Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadhi,
Panggal 77, Vol 6*

Victor T.King. (1993). *The Peoples Of Borneo*. Cambridge:
Blackwell.

Wan Husain bin Wan Abdul Qadir. *Al-Da`wah al-
Islamiyyah Fi Janub Sharq Asia Mundhu Zuhuriha
Ila al-`Asr al-Hadir*. Tesis Ph.D yang dikemukakan
di Universiti al-Azhar. 1394H / 1974M.